

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]

TARIKH : -

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah penjanaan elektrik yang sedia ada berbanding dengan penggunaan di Sarawak.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah kapasiti penjanaan elektrik di Sarawak pada masa ini ialah sebanyak 3,544MW manakala penggunaan elektrik di Sarawak bagi tahun 2015 mengikut sektor adalah seperti berikut:

Penggunaan Tenaga Elektrik di Sarawak

Sektor	GWh	%
Domestik	1,940	13.82
Komersial	2,390	17.03
Industri	9,616	68.52
<i>Public Lighting</i>	89	0.63
Jumlah	14,035	100

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN :

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kakitangan Kerajaan yang diambil tindakan disiplin setiap tahun sejak tahun 2010.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 29,147 orang penjawat awam di Perkhidmatan Awam telah dikenakan tindakan tatatertib bagi tempoh 2010 hingga 2015 mengikut pecahan hukuman seperti berikut:

- (a) 5,426 dibuang kerja;
- (b) 142 diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan;
- (c) 1,083 diturunkan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 36 bulan;
- (d) 2,227 ditangguhkan pergerakan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan;
- (e) 4,004 dilucutkan hak emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan;

SULIT

- (f) 4,011 dikenakan denda maksimum 7 hari emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan; dan
- (g) 12,254 diberi amaran dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan

Jumlah tersebut mengambil kira seseorang penjawat awam juga boleh dikenakan lebih daripada satu hukuman tatatertib apabila didapati bersalah melakukan kesalahan tatatertib.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN : 416

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kutipan saman AES setiap tahun sejak pelaksanaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kutipan saman AES sejak ia mula dilaksanakan pada 23 September 2012 sehingga 31 Mac 2016 adalah sebanyak RM89,472,710. Perincian kutipan mengikut tahun kewangan adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
23/9/2012 - 22/9/2013	26,655,300
23/9/2013 - 22/9/2014	26,290,800
23/9/2014 - 22/9/2015	24,334,640
23/9/2015 - 31/3/2016	12,191,970
JUMLAH	89,472,710